

# PH digesa lupakan episod kerjasama dengan Dr M

Bekas PM didakwa cuba tunggang jenama gabungan pembangkang

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
mohd\_iskandar@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pakatan Harapan (PH) perlu melupakan episod bekerjasama dengan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Ketua Angkatan Muda Keadilan (AMK), Akmal Nasir, berkata PH perlu sedar bahawa pembabitan Dr Mahathir yang cuba menunggang jenama gabungan besar hanya sekadar strategi pecah dan perintah yang sering beliau gunakan, selain menyifatkan strategi itu sebagai lapuk.

Beliau berkata, amat malang apabila majlis yang sepatutnya digunakan Dr Mahathir untuk menerangkan hala tuju partinya dijadikan sebagai platform menyerang Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Wallhal baru-baru ini Anwar

sekali lagi mengulangi keterbukaan beliau untuk bekerjasama dengan mana-mana pihak asalkan pihak terbabit boleh menerima syarat dan prinsip perjuangan PH serta meninggalkan segala sikap dan kebobrokan lama.

"AMK juga berasakan sudah tiba masanya untuk PH *move on* daripada episod kerjasama dengan Dr Mahathir," katanya dalam kenyataan, semalam.

Akmal yang juga Ahli Parlimen Johor Bahru berkata, Dr Mahathir sewajarnya bermuhasabah atas sikap beliau yang sering berdalak-dalik terhadap janji yang disepakati menjelang Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) lalu.

Sementara itu, Ketua Penerangan AMK Selangor, Adzman Kamaruddin, mendesak supaya sebarang bentuk kerjasama gabungan besar parti pembangkang tidak seharusnya membabitkan Dr Mahathir.

Jelasnya, kecaman berterusan Dr Mahathir terhadap Anwar membuktikan bahawa Ahli Parlimen Langkawi itu tidak ikhlas dalam usaha menyatukan kekuatan pembangkang.

"Dr Mahathir seharusnya sedar beliau sudah tidak relevan lagi dalam politik Malaysia. Mungkin benar beliau antara faktor keja-

yaan PH dalam usaha menarik undi orang Melayu pada Pilihan Raya Umum lalu, namun kini beliau bukan lagi faktor terbabit.

"Kami bimbang, jika Dr Mahathir kembali bersama PH pada masa ini, bukan sahaja sokongan Melayu bahkan sokongan orang bukan Melayu pun akan merosot terhadap PH," katanya.

Kelmarin, Dr Mahathir pada sidang media Majlis Amanat Perjuangan 2021 menegaskan beliau tidak akan menjalin sebarang kerjasama dengan Anwar.

Bekas Perdana Menteri itu menyifatkan segala janji dan kata-kata ditaburkan Ahli Parlimen Port Dickson itu langsung tidak boleh dipercayai.

Sementara itu, kenyataan Dr Mahathir yang mendakwa DAP tidak mampu memenangi lebih 18 kerusi Parlimen tanpa bantuannya dibantah pemimpin parti itu yang menyifatkannya sebagai tidak tepat.

Pemimpin veteran DAP yang juga Ahli Parlimen Iskandar Puteri, Lim Kit Siang, berkata sejarah PRU membuktikan DAP mampu memenangi lebih kerusi Parlimen.

"DAP pernah memenangi 24 kerusi pada 1986, 20 kerusi pada 1990, 28 kerusi pada 2008 dan 38 kerusi

pada 2013, sebelum memenangi 42 kerusi pada 2018," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau mengulas kenyataan bekas Perdana Menteri itu pada temu bual dengan akhbar berbahasa Mandarin baru-baru ini, bahawa DAP yang tidak mampu memenangi lebih daripada 18 kerusi Parlimen, berjaya memenangi 42 kerusi pada PRU lalu kerana sokongan orang Melayu yang dibawanya.

Kit Siang mendakwa, walaupun DAP sentiasa dimomokkan dengan pelbagai penipuan, fitnah dan berita palsu kononnya anti-Islam dan anti-Raja selama lima dekad lalu, parti itu kekal komited dengan cita-cita menubuhkan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum, bahasa, agama dan budaya.

Tegasnya, DAP tidak pernah sama sekali menentang mana-mana kaum atau agama apatah lagi sistem Raja Berperlembagaan di Malaysia.

"Kami mahukan setiap orang di Malaysia, sama ada Melayu, Cina, India, Kadazan atau Iban untuk mempunyai kesedaran, identiti, dan cita-cita sebagai rakyat Malaysia," katanya.

Beliau mendakwa, parti itu berjaya melahirkan pemimpin Me-



**"AMK juga berasakan sudah tiba masanya untuk PH 'move on' daripada episod kerjasama dengan Dr Mahathir.**

**Akmal Nasir,**  
Ketua Angkatan Muda Keadilan

layu seawal PRU 1969, apabila dua pemimpin Melayu DAP dipilih menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN).

"Sebelum PRU 1974, sekiranya DAP berjaya memenangi Perak, ADUN DAP Tapah Road, Ibrahim Singgeh, akan menjadi Menteri Besar Perak," katanya selain memberi contoh antara pemimpin Melayu yang dilahirkan DAP seperti Abdul Aziz Bari (ADUN Tebing Tinggi, Perak), Young Syefura Othman (ADUN Ketari, Pahang) dan Jamaliah Jamaluddin (ADUN Bandar Utama, Selangor).